

PERKEMBANGAN PENAAKULAN PELAJAR MELALUI PENGUNAAN ISU-ISU SEMASA DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MORAL

Chander Vengadasalam (PhD)

Shasitharan Raman Kutty (PhD)

Chantirasekar a/l Karpan (PhD)

Ramesh Rao Ramanaidu (PhD)

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik

Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

chandervengadasalam@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi melihat perkembangan penaaakulan pelajar melalui penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Kajian ini melibatkan 46 orang pelajar Program Sarjana Muda Perguruan (PISMP) semester 5 di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT). Pelajar-pelajar yang dipilih terdiri daripada jurusan atau major Bahasa Malaysia, Matematik, Sains dan Reka Bentuk Teknologi (RBT). Kajian ini ditadbir melalui kaedah survey dengan menggunakan soal selidik. Data dianalisa menggunakan perisian SPSS dan melibatkan kaedah statistik peratusan. Dapatan kajian menunjukkan 91% pelajar minat menggunakan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral. Walaupun terdapat banyak teknik pembelajaran, peserta kajian kerap menggunakan teknik perbincangan yang melibatkan isu-isu semasa. Antara isu semasa yang sangat diminati pelajar ialah isu pandemik covid19, isu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dan isu capaian internet. Seramai 87% pelajar memilih isu pandemik covid19 dan 70% pelajar memilih isu BDR dan 65% pelajar memilih isu capaian internet untuk dijadikan tajuk perbincangan dalam kuliah Pendidikan Moral. Secara kesimpulan kajian ini menunjukkan kepentingan penggunaan isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang membawa kepada perkembangan penaaakulan pelajar-pelajar di IPGKPT.

Kata kunci: *Penaakulan, isu-isu semasa, teknik pembelajaran, implikasi*

PENGENALAN

Dunia semakin mencabar dan kompleks. Sebarang perubahan dan perancangan perlu bersifat mudah ubah (agility). Ini bermakna setiap peranan pemimpin pendidikan perlu berubah mengikut keperluan semasa yang dikenali sebagai zaman milenium (Rahayu, 2020). Guru perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kefahaman yang baik

terhadap PAK-21 agar proses PdPc dapat berjalan dengan baik dan berkesan. Sistem pendidikan di negara kita telah menghadapi transformasi yang agak drastik dimana pelbagai kaedah pengajaran yang telah diperkenalkan terutamanya berkaitan dengan penggunaan teknologi.

Salah satu mata pelajaran yang sangat memerlukan pelaksanaan PAK-21 ialah subjek Pendidikan Moral, sebab pengajaran Pendidikan Moral perlulah tindak balas pelajar secara keseluruhan baik dari segi komunikasi mahupun pembangunan karakter (Tan, B.P, Rahimah Wahid & Zuraini Jamil, 2015). Guru yang gagal menggunakan pedagogi yang terbaik akan menghasilkan murid yang gagal untuk memahami serta tidak mampu untuk menghayati nilai-nilai yang dipelajari. Nadarajan, T. (2014) menyatakan bahawa kekurangan dalam penghayatan nilai yang diajar mengakibatkan pelajar tidak berpeluang untuk mengamalkan nilai-nilai moral yang dipelajari dalam kehidupan sebenar mereka, dan seterusnya akan menggagalkan harapan untuk melahirkan insan bermoral.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mencapai hasrat yang dimaksudkan di atas. Memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Moral adalah salah satu usaha dan diikuti oleh penerapan nilai-nilai murni merentasi kurikulum merupakan satu langkah yang baik bagi melahirkan insan yang sempurna (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2020a). Nilai-nilai pendidikan yang diterapkan dalam sesuatu mata pelajaran akan berjaya dilaksanakan dengan sempurna sekiranya pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan baik (Shasitharan, R.K., Vasanthan, G., Noor Banu, M., & Chander, V., 2019).

Kajian ini memberi tumpuan kepada perkembangan penaaakulan pelajar PISMP semester lima melalui penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Tiga persoalan kajian telah dibentuk untuk mendapatkan data bagi menilai perkembangan penaaakulan pelajar seperti berikut:

- (a) Apakah jenis-jenis isu semasa yang digunakan dalam Pendidikan Moral?
- (b) Bagaimanakah isu semasa digunakan dalam Pendidikan Moral?
- (c) Apakah faedah terhadap penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral?

Pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan generasi muda yang akan menjadi pemimpin negara pada masa akan datang. Maka adalah penting, generasi ini dilengkapi dengan pengetahuan nilai-nilai moral. Pendidikan Moral yang terkandung dalam senarai kursus teras elektif yang diajar di sekolah merupakan kursus yang bertujauj membentuk akhlak manusia. Kursus teras elektif ini meliputi satu kerangka pengajaran dan

pembelajaran yang luas. Chander (2019) mengatakan Pendidikan Moral memerlukan strategi dan pendekatan pedagogi yang kreatif dan inovatif bagi mengembangkan kemahiran berfikir, menunjukkan reaksi dan taakulan moral, penjaanan pemikiran logik, membentuk murid supaya rasional dan dapat bertindak dengan betul dan dapat membendung dan menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka dengan lebih objektif.

Pelbagai teknik pengajaran telah diperkenalkan di sekolah agar pelajar lebih kreatif dan yakin dalam mengemukakan masalah dan menyelesaikan masalah dalam moral. Salah satu teknik adalah penggunaan isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Couture, J.C. (2001) Pendidikan Moral tidak dikatakan lengkap sekiranya tiada isu-isu semasa. Penggunaan isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran adalah satu kaedah yang baik dalam membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

Ellsworth (1997) menyatakan penggunaan isu global dalam sesuatu matapelajaran bukan hanya menolong menambahkan minat malahan juga menolong pelajar mempelajari lebih banyak fakta dalam masa yang singkat. Fakta yang dipelajari itu menjadi kekal dalam ingatan bagi jangka masa yang lebih lama. Selain daripada itu Mahzan (2004) juga menyatakan bahawa penggunaan isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih efektif pada masa ini dengan adanya program akhbar dalam pendidikan (NIE). Oleh itu adalah menarik kajian terhadap perkembangan penaakulan pelajar melalui penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

Pelajar PISMP, IPG yang mengambil kursus elektif teras Pendidikan Moral ditawarkan tujuh kursus iaitu Pengenalan Kepada Konsep Moral (ELMK3083), Teori dan Etika Moral (ELMK3093), Nilai-nilai Murni daripada Perspektif Pelbagai Agama dan Masyarakat (ELMK3103), Isu Moral dan Peranan Agen-Agen Moral (ELMK3113), Kurikulum, Pentaksiran dan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Moral (ELMK3123), Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral (ELMK3113) dan Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Pendidikan Moral (ELMK3142). Oleh kerana pelbagai isu semasa dinyatakan dalam Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) dan juga Maklumat Kursus (MK) Pendidikan Moral, maka para pensyarah yang mengajar kursus Pendidikan Moral digalakkan menggunakan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Namun, ini menimbulkan persoalan bagaimana pensyarah menggunakan isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral? Adakah pelajar dapat memahami nilai-nilai melalui pembelajaran Pendidikan Moral dengan menggunakan isu semasa? Bagaimanakah perkembangan penaakulan pelajar melalui penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan

pembelajaran Pendidikan Moral? Semua persoalan ini dijadikan fokus kajian ini terhadap penggunaan isu semasa dalam Pendidikan Moral.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Pendidikan Moral memberikan pengertian tentang andaian serta idea mengenai tindakan yang dianggap baik dan patut dilakukan oleh seseorang individu dalam kehidupan serta dalam hubungan antara individu. Sumbangan yang meluas dan mendalam daripada pelbagai bidang ilmu ini memberikan sesuatu asas kepada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. (Neumeister, J. 2017).

Pendidikan Moral merupakan satu program yang mendidik pelajar supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan penaakulan, perasaan dan tingkah laku moral. Pendidikan Moral di IPG memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan pelajar melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Penaakulan moral pula merupakan suatu proses pemikiran dan pertimbangan moral yang dapat digunakan untuk menentukan peringkat perkembangan moral. Dalam konteks ini, penaakulan moral merujuk kepada satu sistem perlakuan yang bertunjangan prinsip-prinsip yang dianggap benar, baik dan patut dilakukan (Abdul Rahman & Chang, 1994). Hal ini ditegaskan oleh Berkowitz (1964) yang menjelaskan bahawa penaakulan moral merujuk kepada kelakuan melibatkan pertimbangan atau penaakulan yang selari dengan norma sosial yang ditetapkan sebagai tingkah laku yang betul. Antara elemen-elemen yang terangkum dalam penaakulan moral adalah pemikiran rasional, optimis, normatif dan bijaksana.

Zahara (1992) telah membuat kajian ke atas 157 orang pelajar yang sedang menuntut di tahun dua, Fakulti Kejuruteraan Awam. Kajian ini bertujuan untuk melihat pertalian antara persepsi dan kebiasaan belajar dengan pencapaian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pertalian yang rapat antara persepsi dan kebiasaan belajar dengan pencapaian akademik.

Mengikut Ken, O (2005) dalam kajian "Voices from the Past" menyatakan bahawa Pendidikan Moral dianggap tidak penting kerana tidak mengutamakan pendekatan sistematik dan klinikal. Malah sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral selain menganggapnya tidak praktikal dalam kehidupan harian buat masa ini.

Vasanthan, G., & Nadarajan.T (2018). menyatakan bahawa pelajar kurang bermotivasi sendiri dalam hal pembelajaran kerana cara atau kaedah yang digunakan untuk penguasaan dan pembelajaran tidak menarik minat. Jika seseorang itu tidak berminat untuk belajar, kita tidak dapat memaksa pelajar tersebut. Pada masa yang sama sekiranya ada tarikan dalam pengajaran sudah tentu akan meminati pengajaran dan pembelajaran.

Pelajar-pelajar menunjukkan minat terhadap pembelajaran sekiranya menggunakan isu-isu semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia merangsang minat yang tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar dan ini adalah satu faktor yang penting dalam pembentukan minat mereka (Kihairul, 2020). Isu-isu semasa juga menyediakan satu dasar yang kukuh untuk perkembangan kefahaman dan corak pemikiran serta ini akan mengurangkan aktiviti lisan pelajar. Ia juga membekalkan satu dasar untuk perkembangan penaakulan pelajar-pelajar serta menolong dalam kefahaman dan mempercepatkan perkembangan minda pelajar (Moran, 2018). Oleh itu boleh dikatakan penggunaan isu semasa banyak memberi faedah kepada pengajaran dan pembelajaran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui kaedah survey dengan menggunakan soal selidik ke atas pelajar PISMP Semester 5. Tumpuan utama kajian ini ialah untuk melihat perkembangan penaakulan pelajar dengan menggunakan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Data dianalisa menggunakan perisian SPSS dan melibatkan kaedah statistik peratusan.

Pengumpulan maklumat daripada peserta kajian dijalankan melalui penggunaan soal selidik. Soal selidik ini diedar kepada pelajar-pelajar semasa kuliah Pendidikan Moral. Soal selidik yang dibina bagi mengetahui jenis isu, bagaimana dan minat yang diperolehi pelajar daripada penggunaan isu semasa dan perkembangan penaakulan pelajar-pelajar.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan jenis isu-isu semasa dikaji berdasarkan dua aspek iaitu isu-isu berdasarkan bidang Pendidikan Moral dan jenis isu-isu semasa yang wujud pada masa kini. Terdapat tujuh kursus yang ditawarkan dalam elektif teras Pendidikan Moral PISMP di IPG. Setiap kursus mempunyai beberapa isu semasa untuk dibincang. Penggunaan isu-isu semasa mengikut kursus elektif teras Pendidikan Moral dijelaskan dengan terperinci dalam jadual 1. Majoriti pelajar iaitu (87%) menggunakan isu-isu semasa berkaitan dengan isu covid 19 dengan kerap. Diikuti dengan isu berkaitan dengan isu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) iaitu 70%. Pada masa

yang sama isu semasa berkaitan dengan isu capaian internet iaitu 65% menjadi isu semasa yang ketiga penting dalam perbincangan semasa kuliah Pendidikan Moral.

Jadual 1: Taburan isu-isu semasa dalam kursus elektif teras Pendidikan Moral

Isu-isu semasa Pendidikan Moral	TPH %(f)	KK %(f)	TP %(f)	K %(f)	SK %(f)
Covid-19	0(0)	13(6)	0(0)	11(5)	76(35)
PdPR	11(5)	17(8)	2(1)	4(2)	65(30)
Capaian Internet	13(6)	15(7)	7(3)	11(5)	54(25)
Amalan Rasuah	15(7)	20(9)	11(5)	22(10)	33(15)
Buli	13(6)	22(10)	17(8)	11(5)	37(17)
Pengabaian Warga Tua	24(11)	20(9)	13(6)	26(12)	17(8)
Peperangan / Kekerasan	20(9)	22(10)	20(9)	17(8)	22(10)

TPH = Tidak Pernah KK = Kadang Kala TP = Tidak Pasti K = Kerap SK = Sangat Kerap

Penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral diaplikasikan dengan pelbagai cara. Jadual 2 menunjukkan kebanyakan pelajar iaitu 65.1 peratus (30) bersetuju bahawa mereka dapat mempelajari nilai-nilai murni daripada penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral. Sebanyak 70 peratus iaitu 32 orang pelajar bersetuju bahawa guru menggunakan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral untuk menjelaskan nilai. Namun ada yang tidak pasti dengan kenyataan, iaitu 17 peratus (8). Sejumlah pelajar iaitu 82.6 peratus (38) bersetuju bahawa guru mengaitkan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral dengan kehidupan harian mereka. Separuh daripada jumlah peserta kajian, iaitu 50 peratus (23) bersetuju bahawa penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral bersesuaian dengan pembelajaran Pendidikan Moral.

Jadual 2: Taburan penggunaan isu-isu semasa Pendidikan Moral

Penggunaan isu-isu semasa	STS %(f)	TS %(f)	TP %(f)	S %(f)	SS %(f)
Anda dapat mempelajari nilai-nilai murni daripada Pendidikan Moral dengan menggunakan isu semasa	11(5)	13(6)	11(5)	11(8)	76(22)

Pensyarah menggunakan isu semasa untuk menjelaskan nilai Pendidikan Moral	11(5)	17(8)	2(1)	4(2)	65(30)
Pensyarah mengaitkan isu semasa dalam Pendidikan Moral dengan kehidupan harian anda	13(6)	15(7)	7(3)	4(2)	78(36)
Penggunaan isu semasa adalah bersesuaian dengan pelajar Pendidikan Moral	15(7)	20(9)	11(5)	22(10)	28(13)
Penggunaan isu semasa adalah membuang masa	35(16)	43 (20)	22(10)	0(0)	0(0)

STS = Sangat Tidak Setuju TS = Tidak Setuju TP = Tidak Pasti S = Setuju SS = Sangat Setuju

Jadual 3 menunjukkan keputusan tentang faedah terhadap penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral. Dapatan kajian menunjukkan 83 peratus (38) peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral memberi pengalaman baru, dan hanya 3 peratus (7) yang tidak pasti dengan pendirian mereka. Sebanyak 11 peratus (5) peserta kajian tidak setuju dengan pernyataan di atas. Apabila dilihat pada aspek ilmu pengetahuan seramai 72 peratus (33) peserta kajian bersetuju bahawa Penggunaan isu semasa dalam Pendidikan Moral memberikan ilmu pengetahuan berguna, pada masa yang sama seramai 24 peratus (8) peserta kajian tidak bersetuju tentang perkara ini. 17 peratus (5) orang peserta kajian tidak dapat memberikan keputusan mereka dalam perkara ini. Daripada keseluruhan peserta kajian 2/3 peserta kaji mengaku penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral menambah ilmu pengetahuan mereka.

Jadual 3: Taburan faedah terhadap penggunaan isu-isu semasa Pendidikan Moral

Faedah penggunaan isu-isu semasa	STS %(f)	TS %(f)	TP %(f)	S %(f)	SS %(f)
Penggunaan isu semasa dalam Pendidikan Moral memberi pengalaman baru kepada anda	0(0)	11(5)	7(3)	13(6)	70(32)
Penggunaan isu semasa dalam Pendidikan Moral memberikan ilmu					

pengetahuan berguna kepada anda 7(3) 17(5) 11(5) 7(3)
65(30)

STS = Sangat Tidak Setuju TS = Tidak Setuju TP = Tidak Pasti S = Setuju SS = Sangat Setuju

Berdasarkan respon memahami keyakinan pelajar terhadap penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral Jadual 4 menunjukkan peserta kajian seramai 72 peratus (33) berasa lebih yakin untuk mengemukakan pendapat setelah menggunakan isu semasa. Sebanyak 15 peratus (7) tidak bersetuju dengan dan terdapat seramai 13 peratus (6) lagi tidak pasti dengan kenyataan di atas. Manurut Jadual 4 juga seramai 63 peratus (29) orang peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan isu semasa dalam Pendidikan Moral membantu berasa lebih yakin dalam menghadapi masalah sosial. Terdapat juga peserta kajian sebanyak 24 peratus (11) yang tidak setuju dengan penggunaan isu semasa dalam Pendidikan Moral membantu berasa lebih yakin dalam menghadapi masalah sosial. Tidak lupa juga terdapat 13 peratus (6) orang peserta kajian tidak pasti dengan kenyataan ini.

Jadual 4: Taburan keyakinan pelajar terhadap penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral

Keyakinan pelajar terhadap penggunaan isu-isu semasa	STS %(f)	TS %(f)	TP %(f)	S %(f)	SS %(f)
Anda berasa lebih yakin untuk mengemukakan pendapat anda setelah menggunakan isu semasa	4(2)	11(5)	13(6)	24(11)	48(22)
Penggunaan isu semasa dalam Pendidikan Moral membantu anda berasa lebih yakin dalam menghadapi masalah sosial	13(6)	11(5)	13(6)	20(9)	43(20)

STS = Sangat Tidak Setuju TS = Tidak Setuju TP = Tidak Pasti S = Setuju SS = Sangat Setuju

KESIMPULAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang berminat untuk belajar pendidikan moral menggunakan isu-isu semasa menunjukkan perkembangan penaaakuan (Nucci, L., Murata, A., Powers, D., Gee, R.,

Midgette, A., 2016). Penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di bilik kuliah bukanlah sangat mudah. Mungkin ada beberapa cabaran untuk mengatasi masalah dalam pengajaran dan pembelajaran.

Cabaran paling sukar adalah untuk memastikan peserta kajian jelas tentang impak isu-isu semasa yang digunakan dalam kuliah. Kesedaran tentang isu-isu semasa yang diberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun, akhirnya pelajar-pelajar dapat memahami penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dan meningkatkan penaaakulan moral mereka.

Penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral memberikan pensusarah cara atau pilihan untuk mengaitkan kandungan moral dengan lebih kreatif. Pendekatan ini boleh meramal kefahaman, pemikiran dan penaaakulan tahap pelajar-pelajar dalam beberapa situasi (Noddings, N., 2016).

Nucci, L., Murata, A., Midgette, A., Gee, R., & Powers, D. (2018) mengesahkan bahawa tahap penaaakulan pelajar akan meningkat dengan menggunakan isu-isu semasa dalam pendekatan domain. Pendekatan ini memberi kuasa kepada pelajar-pelajar untuk melibatkan diri dalam perbincangan mengenai isu-isu semasa. Mereka boleh memberi idea-idea dan pendapat tentang isu pandemik covid19, isu belajar di rumah (BDR) dan isu capaian internet. Menurut Suppiah, N. (2017) dunia globalisasi, adalah penting untuk menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajaran pendidikan moral. Penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral memberi peluang kepada para pelajar untuk memahami dunia sosial dengan mengkaji isu-isu sosial yang kritikal.

Penggunaan isu semasa sebagai satu bahan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dilakukan bagi tujuan menanam kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap unsur dan nilai kemanusiaan secara menyeluruh (Sandra, 2001). Oleh itu adalah penting kajian ini dijalankan untuk membantu guru dalam menggunakan isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Kajian ini juga penting supaya dapat membantu pihak penggubal RMK dan MK untuk memilih isu semasa yang lebih relevan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang diminati pelajar.

SYOR CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian tentang perkembangan penaakulan pelajar melalui penggunaan isu-isu semasa dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di IPG, maka dicadangkan bahawa:

1. Para pensyarah harus merangsangkan pelajar Pendidikan Moral dengan mengaitkan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral.
2. Program akhbar dalam pendidikan perlu diberi galakan agar pelajar dapat memanfaatkannya dengan merujuk kepada isu-isu semasa yang tertera di situ.
3. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia merangka satu modul pengajaran berkaitan dengan isu-isu semasa yang boleh dikaitkan dengan Pendidikan Moral kegunaan pelajar-pelajar PISMP, IPG.
4. Kajian lebih lanjut mengenai penggunaan isu-isu semasa dalam Pendidikan Moral boleh dijalankan berdasarkan skop yang lebih besar iaitu pelajar-pelajar semester lain yang mengambil kursus elektif teras Pendidikan Moral.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Aroff & Chang Lee Hoon. (1994). *Pendidikan moral*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Berkowitz, L. (1964). *Development of motives and values in a child*. New York: Basic Books.
- Chander, V. (2019). *Pendekatan Domain Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Couture, J.C (2001). *Global Issues and Activated Audiences*. Alberta Teachers Association.
- Ellsworth, E. (1997). *Teaching Positions: Difference Pedagogy and the Power of Address*. New York: Teachers College Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2020a). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*. Putrajaya: KPM. <https://www.moe.gov.my>

- Ken Osborne, (2005). "Voice from the past" Educational Leadership.
- Khairul Wan Isa. (2020). Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Covid-19.
- Mahzan, A. (2004). Kajian Terhadap Minat Membaca di Kalangan Pendidik, Jurnal Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Terbitan UM.
- Moran, S. (2018). *Purpose in Action Education: Introduction and Implications*. Journal of Moral Education.
- Nadarajan, T. (2014). *Penggunaan Teater Forum dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Neumeister, J. (2017). *The Model of Transformational Change for Moral Action: A Conceptual Framework to Elevate Student Conduct Practice in Higher Education*. Journal of College and Character.
- Noddings, N. (2016). *Moral Life and Education*. Action in Teacher Education.
- Nucci, L., Murata, A., Powers, D., Gee, R., Midgette, A. (2016). *Lesson Study in Middle School History Class: A Domain-Based Moral Education Intervention*. American Education Research Association, Washington, D.C.
- Nucci, L., Murata, A., Midgette, A., Gee, R., & Powers, D. (2018). Using Lesson Study in Teacher Professional Development for Domain Based Moral Education.
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Sandra, M.I. (2001). UCLA. Moral Development & Education. New York: Teachers College Press.
- Shasitharan, R.K., Vasanthan, G., Noor Banu, M., & Chander, V. (2019). Penggunaan Schoology Untuk Memerihkan Isu Dalam Pendidikan Moral Menerusi Kelas Berbalik (Flipped Classroom). Volume 3- Issue 3 (July, 2019).

- Suppiah Nachiappan. (2017). Problems in teaching and learning of Moral Education in Secondary School and Solutions through Hermenentics method.
- Tan, B. P, Rahimah Wahid & Zuraini Jamil @ Osman. 2015. Peranan Guru Dalam Membina Iklim Moral Dalam Bilik Darjah. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*. 7(3), 87-95.
- Vasanthan Gurusamy & Nadarajan Thambu. (2018). Perkembangan Motivasi Moral Murid melalui Aktiviti Lakonan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(4), 234-250.
- Vijaya Malani Verasamy & Vishalache Balakrishnan (2020). Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia: Satu Pengenalan. *Jurnal Indonesia untuk Kajian Pendidikan*, Volume:5(2), 131-142.
- White, R., Slin, T. S. (2017). *Integrative Character Education: Grounding Facilitated Prosocial Development in a Humanistic Perspective for a Multicultural World*. Multicultural Education Review.
- Zahara, A. (1992). *Aliran Dalam Amalan Pendidikan Menjelang Abad ke-21*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.